

FAQ EBIDA

1. Siapa yang boleh mendaftar dalam eBIDA?

- Individu yang tinggal di Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.
- Syarikat/Perniagaan

2. Apakah syarat untuk mendaftar dalam eBIDA?

Individu/Syarikat/Perniagaan yang mempunyai perbankan atas talian.

3. Bagaimana untuk mendapatkan ID bagi membolehkan pendaftaran dalam eBIDA?

Individu/Perniagaan/Syarikat yang layak boleh membuat pendaftaran ringkas di dalam sistem eBIDA. Pembayaran fi pengurusan sebanyak RM10 hendaklah dibuat bagi setiap transaksi nombor plat baharu sebanyak satu kali sahaja.

- Individu: Mengisikan dengan tepat maklumat diri dan maklumat bank bagi memudahkan proses pendaftaran nombor di JPJ dan urusan perbankan.
- Perniagaan atau syarikat: Mengisikan dengan tepat maklumat syarikat dan maklumat bank bagi memudahkan proses pendaftaran nombor di JPJ dan urusan perbankan.

4. Apakah jenis emel yang sesuai untuk eBIDA?

- Gmail atau Yahoo yang aktif bagi memudahkan penerimaan sebarang notifikasi Sistem eBIDA.

5. Terdapat perubahan maklumat butir peribadi setelah pendaftaran eBIDA?

- Sebarang kemaskini maklumat peribadi boleh dibuat dalam sistem eBIDA sebelum tamat waktu bidaan.

6. Apakah browser yang sesuai untuk menggunakan portal eBIDA?

- Pengguna portal eBIDA disarankan untuk menggunakan browser Chrome Version 73, Android Version 6 atau IOS 10 dan ke atas untuk paparan yang lebih baik.

7. Berapa yuran dan caj yang dikenakan untuk bidaan?

- RM 10.00 akan dikenakan sebagai caj perkhidmatan bagi setiap nombor pendaftaran yang dibida. Yuran berkenaan merupakan hasil UniSZA dan tidak akan dikembalikan.
- RM 15.00 (Semenanjung) dan RM 20.00 (Sabah & Sarawak) akan dikenakan sebagai caj perkhidmatan bagi pembida yang berjaya memenangi bidaan nombor plat UniSZA. Yuran berkenaan merupakan hasil UniSZA bagi tujuan pengedaran dan penghantaran sijil melalui email kepada pembida yang berjaya.

8. Berapa lamakah tempoh bidaan untuk satu (1) sesi nombor?

Tempoh bidaan untuk satu (1) sesi nombor pendaftaran kenderaan berlangsung selama 5 hari bermula pada pukul 12.00 AM dan tamat pada pukul 12.00 AM pada hari ke lima (5). Waktu bidaan yang diambil kira sepanjang tempoh bidaan berlangsung. Sekiranya berlaku bidaan dengan harga yang sama dalam satu masa, pembida yang terdahulu menyelesaikan pembayaran bidaan dikira sebagai pemenang bidaan pada ketika itu.

* Anda digalakkan untuk melakukan bidaan awal untuk kelancaran semua proses. Elakkan aktiviti bidaan disaat akhir bagi mengelakkan gangguan bayaran.

9. Adakah pembida perlu meletakkan deposit?

- Deposit 100% untuk semua kategori

10. Apakah kategori dan harga setiap kategori nombor serta bagaimana penentuan harga bidaan dikira?

Setiap nombor kenderaan mempunyai kategori dan nilai mengikut jadual berikut:-

KATEGORI NOMBOR-NOMBOR BERNILAI UTAMA (GOLDEN NUMBERS)

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----

KATEGORI NOMBOR-NOMBOR MENARIK (ATTRACTIVE NUMBERS)

11	12	13	14	15	16	17	18	19
22	28	33	38	44	55	66	77	88
99	111	222	333	444	555	666	777	888
999	1111	2222	3333	5555	6666	7777	8888	9999

KATEGORI NOMBOR-NOMBOR POPULAR (POPULAR NUMBERS)

20	21	23	24	25	26	27	29	30	31	32
34	35	36	37	39	40	41	42	43	45	46
47	48	49	50	51	52	53	54	56	57	58
59	60	61	62	63	64	65	67	68	69	70
71	72	73	74	75	76	78	79	80	81	82
83	84	85	86	87	89	90	91	92	93	94
95	96	97	98	100	101	121	131	141	151	161
171	181	191	200	202	212	232	242	252	262	272
282	292	300	303	313	323	343	353	363	373	383
393	400	404	414	424	434	454	464	474	484	494
500	505	515	525	535	545	565	575	585	595	600
606	616	626	636	646	656	676	686	696	700	707
717	727	737	747	757	767	787	797	800	808	818
828	838	848	858	868	878	898	900	909	919	929
939	949	959	969	979	989	1000	1001	1010	1100	1122
1133	1144	1155	1166	1177	1188	1199	1212	1221	1313	1331
1414	1441	1515	1551	1616	1661	1717	1771	1818	1881	1919
1991	2000	2002	2020	2112	2121	2200	2211	2233	2244	2255
2266	2277	2288	2299	2323	2332	2424	2442	2525	2552	2626
2662	2727	2772	2828	2882	2929	2992	3000	3003	3030	3113
3131	3223	3232	3300	3311	3322	3344	3355	3366	3377	3388
3399	3434	3443	3535	3553	3636	3663	3737	3773	3838	3883
3939	3993	4000	4004	4040	4114	4141	4224	4242	4343	4400
4411	4422	4433	4444	4455	4466	4477	4488	4499	4545	4554
4646	4664	4747	4774	4848	4884	4949	4994	5000	5005	5050
5115	5151	5225	5252	5335	5353	5445	5454	5500	5511	5522
5533	5544	5566	5577	5588	5599	5656	5665	5757	5775	5858
5885	5959	5995	6000	6006	6060	6116	6161	6226	6262	6336
6363	6446	6464	6556	6565	6600	6611	6622	6633	6644	6655
6677	6688	6699	6767	6776	6868	6886	6969	6996	7000	7007
7070	7117	7171	7227	7272	7337	7373	7447	7474	7557	7575
7667	7676	7700	7711	7722	7733	7744	7755	7766	7788	7799
7878	7887	7979	7997	8000	8008	8080	8118	8181	8228	8282
8338	8383	8448	8484	8558	8585	8668	8686	8778	8787	8800
8811	8822	8833	8844	8855	8866	8877	8899	8999	8998	9000
9009	9090	9119	9191	9229	9292	9339	9393	9449	9494	9559
9595	9669	9696	9779	9797	9889	9898	9900	9911	9922	9933
9944	9955	9966	9977	9988						

KATEGORI NOMBOR-NOMBOR LAIN

NOMBOR-NOMBOR SELAIN NOMBOR UTAMA, MENARIK DAN POPULAR

KATEGORI	HARGA MINIMUM (RM)	PENINGKATAN MINIMA BIDAAN (RM)
UTAMA	50,000	2,500
MENARIK	3,000	150
POPULAR	800	40
SEMASA	200	10

- Setiap amaun bidaan pertama yang dibida mestilah sama atau melebihi harga minima yang ditetapkan mengikut kategori seperti jadual di atas.
- Peningkatan minima bidaan adalah mengikut kategori nombor seperti jadual di atas denganketiadaan had untuk peningkatan maksimum.
- Segala transaksi semasa bidaan adalah menggunakan kaedah pembayaran kad kredit atau kad debit. Pembida yang tidak menang akan dipulangkan wang bidaan dalam akaun bank yang telah digunakan semasa bidaan atau kad kredit tidak akan dicaj dalam tempoh 7 hari hingga 14 hari selepas tarikh pembidaan dibuat.
- Pembida perlu berhati-hati semasa mendaftar nombor akaun bank semasa pendaftaran eBIDA supaya tidak berlaku kesulitan bagi proses pemulangan wang bidaan bagi bidaan yang tidak berjaya. UniSZA tidak bertanggungjawab di atas kecuaiian yang berlaku.

11. Apakah had untuk membida?

- Tiada had untuk membida.

12. Bolehkah pembida menarik balik bidaan?

TIDAK. Pembida tidak dibenarkan menarik balik bidaan sepanjang tempoh bidaan berlangsung. UniSZA tidak bertanggungjawab ke atas segala kerugian ke atas kecuaiian pembida dalam membuat bidaan.

13. Adakah pembida akan menerima apa-apa makluman semasa tempoh bidaan?

Ya, melalui semakan dalam sistem eBIDA.

14. Bilakah keputusan rasmi bidaan diumumkan?

Keputusan bidaan rasmi akan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari selepas bidaan tamat.

15. Bagaimana untuk mengetahui jika pembida telah menang/gagal bidaan?

Anda dikehendaki menyemak status bidaan anda melalui sistem eBIDA.

16. Bagaimanakah kaedah pembayaran bidaan dilakukan?

Melalui Kad Master atau Kad Visa.

17. Apa yang berlaku pada amaun bidaan jika bidaan tidak berjaya?

- Pembida yang tidak berjaya akan dipulangkan wang bidaan dan caj pekhidmatan penghantaran pos/email dalam tempoh 7 hari hingga 14 hari selepas tarikh bidaan dibuat. Tiada caj yang akan dikenakan.

18. Adakah pembida lain tahu jika saya membida satu-satu nombor?

- Tidak. Sekiranya pembida membuat bidaan yang lebih rendah, sistem akan memaklumkan bahawa bidaan anda bukan tertinggi. Pembina perlu membida dengan amaun yang lebih tinggi.
- Anda boleh membuat bidaan semula pada bila-bila masa dalam tempoh bidaan dibuka, sama ada dalam status bidaan tertinggi atau telah dipintas.

19. Bagaimana jika bidaan saya dipintas?

Anda boleh membuat bidaan seterusnya dengan hanya menambah nilai bidaan bagi nombor plat yang telah dipintas. Nilai tambahan bidaan tersebut akan ditambah dengan nilai bidaan sebelumnya.

20. Bayaran berjaya di saat akhir, tetapi bidaan tidak diterima kerana masa telah tamat. Bagaimana dengan bayaran tersebut?

Bayaran anda tetap direkodkan di ruangan "Sejarah Bayaran". Wang anda juga tetap akan dikembalikan.

21. Saya telah menang, apa perlu saya lakukan?

Keputusan rasmi akan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas bidaan tamat, anda akan diberi notifikasi keputusan menang bidaan melalui notifikasi sistem eBIDA.

Sijil rasmi sebagai pemenang nombor plat kenderaan akan dipos dan diemailkan kepada pemenang melalui email yang didaftarkan di dalam ebida.

22. Pembida mengalami masalah berkaitan kad kredit / kad debit, kepada siapakah harus pembida rujuk?

Sekiranya terdapat sebarang masalah yang melibatkan kad kredit / kad debit, pembida boleh terus berhubung dengan bank pengeluar kad kredit / kad debit (issuer).

23. Apakah dokumen yang perlu dibawa ke JPJ bagi proses pendaftaran nombor kenderaan?

Pemenang perlu hadir sendiri / wakil ke JPJ Cawangan Wangsa Maju atau JPJ Cawangan KualaTerengganu dan membawa dokumen seperti di bawah:

- i. Cetakan surat tawaran asal/email daripada UniSZA.
- ii. Salinan Kad Pengenalan/Salinan Identiti Pengenalan Syarikat.

24. Bilakah tempoh akhir bagi pendaftaran nombor kenderaan?

Tempoh akhir bagi pendaftaran nombor kenderaan adalah 12 bulan dari tarikh kelulusan bidaan dalam Surat Tawaran.

25. Apakah yang akan berlaku jika pendaftaran nombor kenderaan tidak dilakukandalam tempoh 12 bulan dari tarikh pengeluaran Surat Tawaran?

Surat Tawaran yang diberikan akan dianggap tamat dan tidak sah. Bayaran yang telah dibuat **TIDAK** akan dikembalikan dan menjadi hasil UniSZA.

26. Apa yang berlaku jika pembida tidak mahu menerima nombor pendaftaran yang dimenangi?

Nombor pendaftaran kenderaan yang dimenangi akan ditarik balik apabila sampai tarikh akhir dan bayaran yang telah dibuat **TIDAK** akan dikembalikan/menjadi hasil universiti.

27. Adakah Pembida boleh menukar nama untuk nombor kenderaan yang dimenangi?

Ya, boleh dengan sekali permohonan penukaran sahaja. Untuk urusan penukaran nama hak-milik nombor plat setelah berjaya dalam bidaan, pembida hendaklah:-

- i. Memberikan nombor kad pengenalan dan nama penuh pemilik baharu nombor plat kenderaan tersebut kepada Pejabat Pusat Pengurusan Penjanaaan Pendapatan, Pelaburan dan Jaringan Industri (P4P) UniSZA dalam tempoh 12 bulan setelah bidaan berjaya. Pembida hendaklah mengisi maklumat dalam sistemeBIDA dan yuran proses tukar nama sebanyak Ringgit Malaysia: Satu Ratus (RM100).
- ii. Resit dan Surat rasmi tawaran nombor plat kenderaan khas UniSZA kepada pemilik baharu akan dikeluarkan secara automatik dalam masa lima (7) hari bekerja setelah semua dokumen lengkap diterima dan bayaran yuran proses diterima. Sebarang perubahan/rayuan tidak akan dilayan.

28. Adakah nombor kenderaan yang dimenangi boleh dibuat permohonan lanjutan tempoh pendaftaran?

- **BOLEH.** Pembida dibenarkan untuk membuat lanjutan tempoh pendaftaran melalui sistem eBIDA yang telah didaftarkan.

- Pembida yang belum mendaftar nombor berkenaan di JPJ boleh menyambung tarikh berkenaan selama 1 tahun lagi dengan membuat pembayaran sebanyak Ringgit Malaysia: Satu Ratus (RM100) melalui sistem eBIDA sebelum tarikh akhir kelulusan bidaan dalam Surat Tawaran masing-masing.

29. Pembida lupa kata laluan untuk log masuk ke portal eBIDA?

Pembida boleh menetapkan semula kata laluan dengan memilih emel yang didaftarkan seperti berikut:-

- i. Klik lupa kata laluan pada skrin log masuk
- ii. Kemudian masukkan nama alamat emel yang didaftarkan.
- iii. Klik butang hantar
- iv. Mesej akan dihantar pada emel berdaftar pembida dan ikuti arahan selanjutnya pada skrin berkenaan.

30. Apakah saluran yang saya boleh hubungi sekiranya terdapat apa-apa pertanyaan lanjut dan masalah berkaitan sistem eBIDA?

Hubungi urusetia :

- **Encik Talhah** : 013 9787863
- **Dr. Sadad** : 013 2218125